

## KHUTBAH JUMAAT

### “RAMADAN DIRAI, KETAKWAAN DIPEROLEHI”

(13 Februari 2026M/ 25 Syaaban 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرًا مُبَارَكًا، وَفَرَضَ فِيهِ الصِّيَامَ، وَأَعَدَّ فِيهِ فَضْلًا كَبِيرًا وَأَجْرًا عَظِيمًا. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، وَأَشْكُرُهُ عَلَى جَزِيلِ إِنْعَامِهِ وَإِفْضَالِهِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar ketakwaan. Syukurilah nikmat kehidupan dengan taat melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan. Berikan sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan.

Bersempena dengan bulan Ramadan yang akan tiba, maka pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk, "**Ramadan Dirai, Ketakwaan Diperolehi**".

## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Ramadan adalah bulan yang didambakan oleh setiap mukmin agar diberi kesempatan untuk bertemu dengannya, bagi menyemai dan menyuburkan sifat takwa. Bulan yang penuh dengan rahmat dan pengampunan Allah *subhanahu wata'ala*. Seribu satu peluang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala*, bagi insan yang berusaha mempertingkatkan ketaqwaan padanya terutamanya melalui ibadah puasa. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٨٣)

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam menyemai takwa dalam diri, khatib ingin berkongsi beberapa perkara utama:

**Pertama:** Ramadan melatih kita untuk menyemai rasa ikhlas di sebalik segala amalan.

Islam mengajar kita agar melakukan yang terbaik dalam setiap perkara dengan ikhlas. Ketika melakukan amal ibadah, dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Ketika memberi, dilakukan dengan tingkahlaku yang mulia. Ketika berbicara, menggunakan tutur kata

yang sopan dan mulia. Inilah sikap yang dipupuk oleh Islam terhadap setiap individu muslim pada setiap amalan yang dilakukan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ  
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (١٠٥)

**Maksudnya:** *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".*

**Kedua:** Ramadan melatih kita untuk memupuk rasa rahmat.

Seorang mukmin yang mengharapkan rahmat dan kasih sayang ilahi, pastinya hatinya juga mekar dan subur dengan perasaan rahmat dan belas kasihan terhadap segala ciptaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Maka ketika berpuasa, kita dilatih untuk menahan diri dari melakukan perbuatan yang keji dan sia-sia, seperti mengucapkan kata-kata kesat, mengumpat, dan sebagainya. Begitu juga apabila berinteraksi di media sosial, pastikan kita menjaga adab dan tatasusila yang elok. Elakkan dari memberi komen yang berunsur fitnah atau mencetuskan pertengkaran sesama insan. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ  
وَشَرَابَهُ ))

**Maksudnya:** Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan beramal dengannya (pendustaan dan pembohongan), maka Allah tidak memerlukan ke atas perbuatannya yang meninggalkan makan dan juga minum.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Ambillah peluang yang disediakan di bulan ini untuk menyebarkan kebaikan dan rahmah kepada sesama insan. Kerana dengan sifat rahmat sesama insan, akan membawa kepada rahmat di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada Abdullah bin Amru *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ، ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ  
الرَّحِمُ شُجْنَةٌ مِنَ الرَّحْمَنِ فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلَهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَهَا قَطَعَهُ اللَّهُ ))

**Maksudnya:** Orang yang mengasihi akan dikasihi oleh Ar-Rahman, berkasih sayanglah kepada siapapun yang ada di bumi, maka yang ada di langit akan mengasihi kamu. Lafaz Ar-Rahim (rahim atau kasih sayang) itu diambil dari lafaz Ar Rahman, maka sesiapa yang menyambung tali silaturrahim, maka Allah akan menyambungnya (dengan rahmat-Nya) dan sesiapa yang memutus tali silaturrahim maka Allah akan memutusnya (dari rahmat-Nya).

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

**Ketiga:** Ramadan mendidik kita untuk mengatur masa dengan baik dan memperbanyakkan amal soleh.

Ramadan al-Mubarak adalah bulan yang penuh dengan peluang melipatgandakan pahala amalan soleh. Kebiasaannya, badan kita memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan rutin baharu, seperti bangun awal untuk bersahur dan beribadah di malam hari. Oleh itu, kita mesti bijak mengatur masa dan menyesuaikan diri. Sekiranya gagal, dikhuatiri kita terjebak pula dalam perangkap bermalas-malasan.

Terdapat anjuran daripada hadis agar kita mengorbankan sedikit masa tidur dan rehat untuk tujuan beribadah. Daripada Abdullah bin Amru *radiallahu anhumu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. يَقُولُ الصِّيَامُ أَيْ رَبِّ مَنَعْتُهُ الطَّعَامَ وَالشَّهَوَاتِ بِالنَّهَارِ فَشَفَّعْنِي فِيهِ. وَيَقُولُ الْقُرْآنُ مَنَعْتُهُ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ فَشَفَّعْنِي فِيهِ. قَالَ فَيُشَفَّعَانِ ))

**Maksudnya:** Puasa dan al-Quran akan memberi syafaat buat hamba pada hari kiamat. Puasa berkata: “Wahai Rab!, Aku telah menahannya daripada makan dan syahwat pada siang hari, maka izinkan aku memberi syafaat kepadanya. Al-Quran pula berkata: Aku telah menahannya daripada tidur pada malam hari, maka izinkan aku memberi syafaat kepadanya. Lalu keduanya diizinkan memberi syafaat (kepada orang yang melakukannya).

(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Imam at-Tabarani)

Oleh itu, marilah kita mengatur masa dengan bijak. Gunakan waktu siang untuk bekerja dan beribadah mengikut kemampuan, manakala malamnya untuk mendirikan solat tarawih, bertadarus, dan mendirikan qiyamullail. Jadikanlah Ramadan kali ini pemangkin yang menghidupkan jiwa dan nurani yang mendambakan keakraban kepada Allah.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

**Pertama** : Umat Islam hendaklah berusaha melakukan yang terbaik dalam setiap perkara dengan ikhlas.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah berusaha menyebarkan kebaikan dan rahmah kepada sesama insan.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah berusaha untuk mengatur masa dengan baik dan memperbanyakkan amal soleh sepanjang bulan Ramadan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah asy-Syams, ayat 9-10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا (٩) وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا (١٠)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya, a berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman*

*dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada musim cuaca tidak menentu ini, sama ada cuaca panas yang membawa suhu melampau, atau hujan lebat yang mengundang masalah banjir dan tanah runtuh, maka khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Pada masa yang sama, teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:



(( أَتَيْهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ... ))

**Maksudnya:** *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ  
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ  
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.  
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,** bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

**Ya Allah, Ya Ghaffaar,** ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ya Allah,** Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada

mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim,** berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

**Ya Allah, Ya Hafiz,** Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شُعْبَانٍ وَبَلَّغْنَا رَمَضَانَ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي  
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.  
عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.